

KENYATAAN MEDIA

31 JULAI 2023

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **ST Nasihat Orang Ramai Utamakan Keselamatan Elektrik Semasa Berkempen di PRU DUN ke-15**

**Putrajaya, 31 Julai 2023** – Suruhanjaya Tenaga (ST) menasihatkan orang ramai atau mana-mana pihak yang menjalankan aktiviti berkempen agar mengutamakan keselamatan dan berhati-hati akan bahaya elektrik ketika berkempen sempena Pilihan Raya Utama DUN ke-15. (PRU DUN 15). Pihak-pihak yang terlibat dalam kerja-kerja pemasangan bahan kempen pilihan raya perlu peka berkenaan bahaya elektrik apabila menjalankan aktiviti berhampiran pepasangan elektrik yang boleh menyebabkan renjatan elektrik atau percikan arka (*flashover*).

Satu kemalangan elektrik telah berlaku pada tahun 2018 yang melibatkan kecederaan (4) orang mangsa akibat daripada renjatan elektrik, ketika memasang tiang bendera parti politik di negeri Johor. Oleh itu, bagi mengelakkan kejadian seumpama itu berulang serta bagi mencegah risiko kemalangan elektrik yang tidak diingini, ST menasihatkan supaya aktiviti berbahaya seperti berikut TIDAK dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat semasa kempen pilihan raya diadakan:

1. Menggantung bahan kempen di tiang-tiang elektrik;
2. Menampal poster pada pencawang elektrik, peti membekal, tiang elektrik dan lain-lain;
3. Mendirikan tiang atau objek tinggi berdekatan atau di bawah talian elektrik;
4. Memanjat menara atau tiang elektrik;
5. Membawa objek tinggi seperti galah atau kayu panjang berhampiran atau melintasi talian elektrik;

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

6. Memasang bendera atau sepanduk besar serta panjang berhampiran talian elektrik yang dikhuatiri terputus atau tersentuh dengan talian elektrik semasa angin kuat atau ribut;
7. Menggunakan *crane* dan *skylift* berhampiran dengan pepasan elektrik;
8. Memasang khemah atau membuka pusat gerakan di bawah talian elektrik; dan
9. Menceroboh dan memasuki kawasan pencawang elektrik.

Sebagai peringatan tambahan, mana-mana pekerja atau individu yang membawa apa-apa objek seperti tiang atau galah berhampiran dengan talian atas voltan tinggi (33 kilo Volt – 132 kilo Volt) boleh menyebabkan percikan arka atau letupan, walaupun talian tidak bersentuhan dengan objek tersebut. Ini kerana, voltan yang tinggi boleh melintasi udara dalam jarak yang dekat.

Adalah diingatkan mana-mana individu yang menjalankan apa-apa aktiviti berhampiran dengan pepasan elektrik tanpa kebenaran sah daripada pihak pemegang lesen atau utiliti adalah menyalahi peruntukan Seksyen 37(12), Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] di mana denda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan jika disabit kesalahan.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau aduan mengenai perkara ini, sila hubungi ST melalui talian 03-8870 8800 atau email ke [eaduan@st.gov.my](mailto:eaduan@st.gov.my).

\*\*\*TAMAT\*\*\*

***Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:***

*Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011 28866271 (Hazwani) / 018 3822545 (Harith)*

*Emel: [veliana@st.gov.my](mailto:veliana@st.gov.my) / [noorhazwani@st.gov.my](mailto:noorhazwani@st.gov.my) / [harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.